

RABU

17 04
2019**BH SKOR**

bhskor@bh.com.my

\$ 4 PEPERIKSAAN PERCUBAAN
Bahasa Melayu (Kertas 1)**\$ 7 PEPERIKSAAN PERCUBAAN**
Bahasa Inggeris (Paper 1 and Paper 2)MEMBIMBING
KE ARAH
KEMAHIRAN
BERFIKIR
ARAS TINGGI
(KBAT)

PILIH KERJAYA

➔ Setiap individu perlu rebut pekerjaan sesuai, mampu tawar masa depan terbaik

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kelulusan, minat dan permintaan semasa industri cukup penting bagi memastikan setiap individu mampu melaksanakan tugas diberikan sebaik mungkin.

Bagaimanapun, persaingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan bersesuaian kini semakin sengit berikutan peningkatan jumlah lepasan sekolah dan graduan yang memasuki pasaran pekerjaan saban tahun.

Selain peluang kerjaya yang ditawarkan majikan, setiap individu perlu merebut peluang mendapatkan pekerjaan terbaik supaya tidak menyesal pada kemudian hari serta memiliki masa depan cerah melalui pilihan yang dilakukan. **\$2**



Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak soalan SPM

Masa: Dua jam lima belas minit

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]


Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada kepentingan menjaga alam sekitar. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan menjaga alam sekitar. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN-KEPENTINGAN MENJAGA ALAM SEKITAR

Memelihara habitat flora dan fauna



Meningkatkan persekitaran yang bersih



Mengembangkan industri pelancongan

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda telah menyertai satu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah 'Disiplin Teras Kecemerlangan'. Sediakan syarahan itu selengkapnya.
2. Kesihatan amat penting dalam melahirkan generasi yang cergas dan berjaya. Jelaskan peranan yang seharusnya dimainkan oleh ibu bapa dalam memastikan tahap kesihatan anak-anak terpelihara.
3. Pengaruh teknologi menyebabkan golongan muda semakin lupa akan permainan tradisi masyarakat dahulu. Jelaskan langkah-langkah yang terbaik untuk memperkenalkan permainan tradisi ini dalam kalangan anak muda.
4. Belajar di luar negara memberikan banyak kelebihan kepada pelajar. Bincangkan.
5. Bersempena dengan Minggu Bahasa di sekolah anda, anda bercadang untuk menyertai pertandingan menulis cerpen yang diadakan. Tajuk cerpen yang dipertandingkan itu ialah 'Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua'. Tulis cerpen tersebut selengkapnya.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

© Jawapan minggu depan

Masa: Dua jam tiga puluh minit

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan ibu bapa membantu guru dalam mendidik anak-anak dan kesan-kesannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Gejala sosial umpama barah dalam kehidupan masyarakat. Jika tidak dibanteras dan ditangani dengan betul, perkara ini akan menyebabkan masyarakat lemah dan menderita akibat gejala yang sukar dibendung dan merebak pada setiap masa. Oleh yang demikian, kerjasama yang erat antara ibu bapa dengan guru dapat mengatasi masalah disiplin anak-anak di rumah dan di sekolah.

Ibu bapa boleh selalu berhubung dengan pihak sekolah bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh anak-anak. Ibu bapa boleh berjumpa atau menghubungi guru melalui telefon untuk mengetahui masalah disiplin dan pembelajaran anak-anak. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu lebih aktif dan berkesan dalam mengatasi pelbagai masalah. PIBG menjadi saluran terbaik untuk ibu bapa bertanya mengenai hal ehwal anak-anak di sekolah. Dalam masa yang sama, ibu bapa boleh melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Misalnya, mengikuti aktiviti gotong-royong dan hadir dalam mesyuarat yang tertentu. Anak-anak yang melihat ibu bapa mereka hadir ke sekolah akan berasa lebih gembira dan bersemangat kerana tahu diri mereka rasa dihargai.

Di samping itu, ibu bapa boleh membantu pihak sekolah dari segi memberikan kepakaran yang tertentu berdasarkan kemahiran dan pengetahuan yang ada. Misalnya, ada ibu bapa yang boleh menjadi jurulatih sukan kerana mungkin pada zaman muda mereka sangat aktif dalam sukan. Ada ibu bapa yang boleh menjadi pakar motivasi kerana berpengalaman dalam bidang-bidang yang tertentu. Kepakaran yang ada ini akan dapat membantu guru mendidik anak-anak mengikut jalan yang betul. Tidak dinafikan juga bahawa pendidikan agama perlu diterapkan dalam diri anak-anak sejak kecil. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu menghantar anak-anak mengikuti pengajian agama sama ada secara formal atau tidak formal.

Sikap atau perilaku anak-anak juga dapat diasuh jika ibu bapa tidak terlalu memanjakan anak-anak. Sikap memanjakan anak-anak dengan memberikan apa-apa yang dikehendaki oleh anak-anak mungkin boleh menyebabkan anak-anak tidak dapat menahan cabaran dunia hari ini atau terlalu lemah untuk berusaha. Oleh itu, ibu bapa perlu memberikan didikan yang sedikit tegas tetapi penuh kasih sayang kerana ketegasan dan kasih sayang itu merupakan sikap atau nilai yang penting dalam kehidupan masa depan. Ibu bapa tidak seharusnya memberikan kebebasan penuh dalam mendidik anak-anak, sebaliknya perlu memantau pergerakan anak-anak. Ibu bapa perlu mengetahui tempat anak-anak berkumpul, rakan anak-anak dan perkara yang dilakukan jika anak-anak berada di luar rumah. Walau bagaimanapun, ibu bapa tidaklah perlu mengongkong kehidupan anak-anak sepenuhnya dalam mendidik mereka. Kongkongan yang keterlaluan boleh menyebabkan anak-anak berasa tertekan kerana berasa tidak bebas dalam menentukan kehidupan mereka.

Kesimpulannya, ibu bapa dan guru sama-sama bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak agar menjadi insan yang berjaya. Walaupun anak-anak berada di sekolah, tidak bermakna ibu bapa berlepas tangan dengan menyerahkan sepenuhnya kepada guru-guru dalam menangani masalah pelajar. Ibu bapa masih bertanggungjawab memantau anak-anak asalkan tidak mengganggu tugas-tugas guru. Jika di rumah sudah pastilah ibu bapa yang cukup dominan mengasuh anak-anak menjadi insan yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pentingnya Kerjasama Ibu Bapa dan Guru'
oleh Dr. Aminudin Mansor,
Pendidik, Januari 2019

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *cukup dominan mengasuh anak-anak*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menjelaskan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa di sekolah. Jelaskan perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa. [3 markah]
- (iii) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) merupakan saluran terbaik untuk membantu pihak sekolah dalam mendidik anak-anak. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya pihak sekolah dapat menggalakkan ibu bapa aktif dalam PIBG? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah."

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpacat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri masing-masing.

Dipetik daripada cerpen 'Munsi'
oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapakah bonda mengatakan kota besar itu sudah tiada nilai-nilai tradisinya? [2 markah]
- (ii) Sebagai seorang anak, kita perlu mendengar dan mematuhi nasihat daripada kedua-dua orang tua kita walaupun mungkin bertentangan dengan pendapat atau pandangan kita. Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang perlu kita lakukan untuk menjaga perasaan kedua-dua orang tua kita? [3 markah]
- (iii) Berikan **satu** pengajaran dalam petikan dan **satu** lagi daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku."

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, *senantiasa beringgit* juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *senantiasa beringgit*. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah perasaan dan pendapat Sultan Muzaffar Syah apabila mengetahui permusuhan antara Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja? [3 markah]
- (iii) Permuafakatan penting dalam mengukuhkan sesebuah organisasi. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk memupuk permuafakatan dalam organisasi? [3 markah]

Bahasa Melayu (Kertas 2)

○ Dari muka 5

Soalan 2 (d) – Puisi Moden

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditandang ke bongsu
dari angh ditandang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan

Teo Wei Sing

dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah yang menjadi keluhan seorang tua dalam sajak di atas? [2 markah]
- (ii) Kesibukan bekerja menyebabkan ada anak yang menghantar ibu bapa mereka ke pusat jagaan orang-orang tua. Pada pendapat anda, adakah anda bersetuju dengan tindakan tersebut? Berikan alasan-alasan anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** nilai murni yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat daripada kata majmuk di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- dikenal pasti
 - bersatu padu
 - nasi minyak
 - berkuat kuasa
 - urus setia
 - batu kapur

[6 markah]

- (b) Gabungkan ayat-ayat di bawah ini menjadi tiga ayat majmuk tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Jerebu merupakan satu bencana kepada manusia. Jerebu juga satu bencana kepada makhluk yang lain. Jerebu disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama jerebu disebabkan oleh sikap manusia sendiri. Mereka suka mengambil jalan mudah. Bagi memudahkan kerja, mereka membakar sisa-sisa pertanian. Jerebu menyebabkan kehidupan penduduk terjejas. Sebilangan penduduk mengalami masalah kesihatan. Penduduk juga menghadapi masalah untuk keluar bekerja. [6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- Golongan koporat di negara ini amat digalak dalam memberikan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik.
- Ibubapa bertanggungjawab mengawasi pelakuan anak-anak yang kini begitu leka dengan dunia teknologi.
- Pencemaran sungai itu menyebabkan pelbagai spesies yang hidup di dalam air menjejaskan dan berbahaya untuk dimakan oleh manusia atau haiwan. [6 markah]

- (d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- Asap-asap rokok yang mengandungi nikotin boleh menyebabkan manusia terbuka kepada pelbagai jenis penyakit berbahaya.
- Sejak kematian ibu bapa mereka, hubungan di antara Halim dengan adiknya, Sueib semakin bertambah padu.
- Sikap saling bantu-membantu dalam kalangan masyarakat mampu membina persekitaran yang bersih dan indah. [6 markah]

- (e) Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

- Yang bulat tidak datang menggolek, yang pipih tidak datang melayang
- Menanggung di air keruh
- Biar putih tulang jangan putih mata

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
- Tirani karya Beb Sabariah
- Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** perwatakan watak utama. [7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

[Time 1 hour 45 minutes]

- This questions paper consist of two sections: **Section A and Section B**
- Answers **both** sections.

Section A: Directed Writing
[35 marks]

[Time suggested: 45 minutes]

You are not happy with the public transport in town. Write a **letter** to the editor of The Daily to complain about the condition of the public transport. Use the notes below to write your **letter**.

Buses	Taxis
<ul style="list-style-type: none"> Unreliable service - Not punctual 	<ul style="list-style-type: none"> Few - Longer route
<ul style="list-style-type: none"> Poor condition - Breakdown 	<ul style="list-style-type: none"> Expensive - Does not use meters
<ul style="list-style-type: none"> Dirty - Rubbish everywhere 	<ul style="list-style-type: none"> Rude taxi drivers - Yell at customers

When writing your **letter**, you should remember to include the following:

- Address
- Salutation
- Closing phrase
- All the notes given

Section B: Continuous Writing

[50 marks]

[Time suggested: One hour]

Write a composition of **about 350 words** on **one** of the following topics.

- Describe about an exciting trip with your family and how you feel about it.
- Today's youth is too technologically inclined. Discuss.
- Saving the environment.
- Write a story about a student waiting for SPM result. You should ends it with: "... It was certainly a day to remember."
- "School is where your education starts". Write what you think about schools.

END OF EXAMINATION PAPER

By Madam Leen bhskor@bh.com.my

BAHASA INGGERIS (PAPER 2)

[Time 2 hour 15 minutes]


- This questions paper consist of four sections: **Section A Section B, Section C and Section D**.
- Answers **all** sections in this question paper.

Section A
[15 marks]

[Time suggested: 25 minutes]

Questions 1 to 8 are based on the given stimuli. Study the information carefully and choose the **best** answer.

1



Size of Families in Kampung Dodol

The pie chart shows that most families have

- A five children.
- B three children.
- C more than three children.
- D fewer than three children.

2



The boy's response means the girl is probably

- A serious.
- B hurting him.
- C teasing him.
- D insulting him.

3



ALL THAT GLITTERS IS NOT GOLD

This statement warns us not to

- A buy gold.
- B be attracted by beauty.
- C judge appearances only.
- D wear too much jewellery.

4

Step in frying noodles:

- Soak noodles in scalding water for 30 seconds.
- Rinse in cold water.
- Strain noodles.
- Fry noodles in hot oil briskly.
- Add chicken meat, mushrooms and salt to taste.



The word **scalding** means that the water must be

- A moderately hot.
- B extremely hot.
- C lukewarm.
- D warm.

5

"You are always a student, never a master.
You have to keep moving forward."
- Conrad hall

Which of the following is the best interpretation of the above quote?

- A No one is a master
- B Education is only for students
- C Education is forever moving forward
- D No matter who we are, education is an ongoing process

6



The sign makes it clear that

- A the truck is big.
- B trucks cannot enter.
- C people cannot drive trucks.
- D many accidents involve trucks.

7



The sign means that those who are at the buffet

- A can eat as much as they want.
- B should eat only what they pay for.
- C must eat up all the food that has been cooked.
- D should eat only food that is good for their heart.

Bahasa Inggeris (Paper 2)

Dari 57

8



- Who would most probably find it necessary to tap the counter bell?
- A A person who wants service
 - B A person who has lost something
 - C A person serving behind the counter
 - D A person who passes by the counter

Questions 9 to 15 are based on the following passage. Choose the best answer to fill in each blank.

KUALA LUMPUR: Datuk Misbun Sidek is set to make a comeback to the BA of Malaysia (BAM) as the men's singles head coach.

Following the Coaching and Training (C&T) meeting on Thursday at the Academy Badminton Malaysia, BAM president Datuk Seri Norza Zakaria 9 that the 57-year-old former men's singles coach's reappointment is based 10 the proposal of technical director Morten Frost, who also presented a blueprint on the new structure for the 2017-2020 cycle.

Misbun, who quit the national body in 2011 due to personal differences with another party, will be 11 by Indonesian Hendrawan, Indra Wijaya and Sairul Amar Ayob.

His task will include 12 the entire men's singles department, including a specific programme for world No 1 Lee Chong Wei.

"I spoke to Misbun prior to the C&T meeting and he 13 agreed to join us," said Norza, who is also the C&T chairman.

"He is expected to join us after Hari Raya, next month."

Other 14 to the coaching structure will see former Thomas Cup-winning shuttler Cheah Soon Kit become the men's doubles head coach, while Tey Seu Bock, who was previously with the men's singles department will now take over the role of the women's singles head coach.

The women's doubles will be led by Wong Pei Tty, while the mixed 15 will be under the care of Chin Ee Hui.

<https://www.nst.com.my/sports/badminton/2017/06/247032/badminton-misbun-sidek-returns-bam-mens-singles-head-coach>

- | | | | | | | | |
|---|--------------|----|-------------|----|----------|----|-----------|
| 9 | A announce | 11 | A assist | 13 | A has | 15 | A single |
| | B announces | | B assists | | B had | | B singles |
| | C announced | | C assisted | | C have | | C double |
| | D announcing | | D assisting | | D having | | D doubles |
-
- | | | | | | |
|----|--------|----|--------------|----|---------------|
| 10 | A on | 12 | A oversee | 14 | A changes |
| | B of | | B oversees | | B variations |
| | C out | | C oversaw | | C alterations |
| | D upon | | D overseeing | | D adjustments |

Section B


[10 marks]

[Time suggested: 25 minutes]

Questions 16 to 25 are based on the following write-up.

Calling For Patriots

**MERDEKA!
MERDEKA!
MERDEKA!**




To commemorate 62nd Independence of Malaysia, SMK Permata Hati is collaborating with the Royal Malaysia Police and the veterans of the Malaysian Army to bring you a much anticipated celebration. An array of activities will be organised ranging from recitation of the Rukun Negara, the raising of Jalur Gemilang, singing competition of patriotic songs as well as parade competition by the students. There will also be a selfie competition whereby you have to snap a photograph at any of SMK Permata Hati compound with patriotic attire. Post your most creative photograph on SMK Permata Hati Facebook between 27th – 31st August 2019.

If you are an Instagram member, do not forget to hashtag us #smkpermatahati and #merdeka2019.

Show your patriotism! It is a countdown you would not want to miss!!!



Using the information from the announcement, complete the following graphic organiser.



Section C

[25 marks]

[Time suggested: 50 minutes]

Questions 26 to 31 are based on the following passage.

The following passage is about a son's search for his long-lost father. Read the passage carefully and answer the questions that follow.

- 1 The last time I had seen my dad, John Dunbar, I was five years old. Now we were standing in my grandfather's driveway, 18 years later, sharing an awkward hug. It was July 9, 1999 – the day before my birthday – and I had driven from my home in Brooklyn to Marion, Ohio, to visit him.
- 2 My parents came across each other in 1975 at Pumpkin Hollow Farm, a retreat centre in Craryville, New York, where my mum taught ritual dance and yoga and my dad was a general labourer and groundskeeper. When they found out I was on the way, they were both ecstatic. But my mum and dad had different ideas about how things would be once I was born. My dad loved my mum, but she just did not want to be tied down. She told him, I'm free. You're free.
- 3 Still, Dad held out hope that things would change. After Mum delivered me at St Joseph Hospital in Albuquerque, she sent him to get her suitcase. While he was packing up her things, he did some snooping. He has been suspicious that she was seeing someone and found love letters that another man had written to her. Heart-broken, he decided to move back to Ohio, where he has lived before.
- 4 My dad was seldom in my life after that. On the rare occasions, he visited us in New Mexico. I remembered he tried to do typical father-son things with me, like build a tree house. But it was never quite right, since we were just not a traditional father and son.
- 5 When I was about five, my mum and I moved to New York City. At that point, my dad truly dropped out of my life. There were couple of times some years later when I tried to call him. His wife, whom he married in 1981, hung up on me. She even changed their phone number so I could not get in touch.
- 6 Still, though my dad was not around, I had a great life. I had lots of cousins living nearby, and my mum and I were always close. I attended LaGuardia High School and decided to become an actor. But as I grew older, I wanted to know more about my father. To this day, I do not know why I decided to reach out to my dad when I did.
- 7 I was about to turn 23 and I just felt compelled. My mum was very supportive; she realised how important it was to me. "I knew you'd eventually do this," she said. I decided to start by calling my father's parents. We have been in touch on and off over the years, and they lived about an hour away from my dad. I called them at home on Father's Day. When someone picked up, I asked, "Who's this?" "This is John," the voice said. It was my dad.
- 8 That moment put both of us on spot. We talked for half-an-hour, and I told him I wanted to make a trip to Ohio to visit. That July, my best friend and I drove from Brooklyn to my grandparents' house, and the next day, my dad came over. I remembered being pretty nervous as he pulled up his van. Standing in the driveway, we hugged. It was a little uncomfortable, but neither of us could stop smiling. We talked briefly and looked at some baby pictures of me he had brought. I asked him some questions, like if I cried a lot when I was little. My dad, a special education tutor, is a pretty quiet guy, but he really opened up to me that afternoon. He told me how much he had loved my mum and how hard it was for him when it ended between them.
- 9 "I was in a deep depression and to see you, I had to see her," he said. It made some sense, but at the same time, staying out of my life was a decision he had made. Still, I was not looking for him to excuse his behaviour and ask me to forgive him. I just wanted to hear his side of it. We spent the next few days getting to know each other. We did not fix our relationship overnight, though. In fact, we did not speak for nine months after I made that first trip to see him. Finally, I called his house. My stepmother, Debbie, answered the phone. I told her I wanted to come to visit the two of them and she said okay. When I got to their house, my stepmother and I talked about the way she treated me in the past.
- 10 "You were a gift," she said. "Why didn't I see that before?" She was on the verge of tears as she told me she was sorry. That night, she and I played our guitars together in the den while my dad looked on, smiling.

(Adapted from Reader's Digest, August 2007)

Dari 58

26 From paragraph 2,

(a) where did the writer's parents first meet?

_____ [1 mark]

(b) which word has the same meaning as 'excited'?

_____ [1 mark]

27 (a) From paragraph 3, why did the writer's father snoop around when he was packing the mother's suitcase?

_____ [1 mark]

(b) From paragraph 5, what happened when the writer tried to call his father after he and his mother moved to New York City?

_____ [1 mark]

28 From paragraph 7,

(a) what was the response of the writer's mother when he tried to reach out to his father?

_____ [1 mark]

(b) how did the writer finally get in touch with his father?

_____ [1 mark]

29 (a) From paragraph 8, which **phrase** shows that John Dunbar explained everything to the writer?

_____ [1 mark]

(b) From paragraph 9, why did the writer's father decide to stay away from him?

_____ [1 mark]

30 In your opinion, what can we conclude about the writer? Give a reason to support your answer.

Characteristic : _____ [1 mark]

Reason : _____ [1 mark]

31 Based on the passage given, write a summary on:

- how the writer tried to reach out to his father **and**
- what happened when they met for the first time

Credit will be given for use of own words but care must be taken not to change the original meaning.

Your summary must:

- use only the material from **line 21 to line 45**
- be in continuous writing (not in note form)
- not be longer than **130 words, including the 10 words** given

Begin your summary as follows:

There were a couple of times years later when he ...

[15 marks]

Section D

[20 marks]

[Time suggested: 35 minutes]

32 Read the poem below and answer the questions that follow.

The Charge of the Light Brigade

Half a league, half a league,
Half a league onward,
All in the valley of Death
Rode the six hundred.
"Forward, the Light Brigade!
"Charge for the guns!" he said:
Into the valley of Death
Rode the six hundred.

"Forward, the Light Brigade!"
Was there a man dismayed?
Not though the soldier knew
Someone had blundered:
Theirs not to make reply,
Theirs not to reason why,
Theirs but to do and die:
Into the valley of Death
Rode the six hundred.

Cannon to right of them,
Cannon to left of them,
Cannon in front of them
Volleyed and thundered;
Stormed at with shot and shell,
Boldly they rode and well,
Into the jaws of Death,
Into the mouth of Hell
Rode the six hundred.

Lord Alfred Tennyson

(a) In stanza 1, why is the place called "the valley of death"?

_____ [1 mark]

(b) In stanza 2, who do you think has made the mistake?

_____ [1 mark]

(c) From stanza 3, what can you conclude about the fate of the soldier?

_____ [1 mark]

(d) One of the consequences of war is loss of lives. State **two** others.

(i) _____ [1 mark]

(ii) _____ [1 mark]

33 The following are the novels studied in the literature component in English Language.

- | | | |
|------------------|---|----------------|
| Captain Nobody | – | Dean Pitchford |
| Dear Mr. Kilmer | – | Anne Schraff |
| Sing To The Dawn | – | Minfong Ho |

Choose any **one** of the novels above and answer the question below.

Write about the lessons you have learnt from the character you have a high regard for in the novel you have studied. Give evidence from the text to support your answer.

[15 marks]

END OF EXAMINATION PAPER

MATHEMATICAL FORMULAE / RUMUS MATEMATIK

The following formulae may be helpful in answering the questions. The symbols given are the ones commonly used.
Rumus-rumus berikut boleh membantu anda menjawab soalan. Simbol-simbol yang diberi adalah yang biasa digunakan.

PERKAITAN

1 $a^m \times a^n = a^{m+n}$

2 $a^m \div a^n = a^{m-n}$

3 $(a^m)^n = a^{mn}$

4 $A^{-1} = \frac{1}{ad-bc} \begin{pmatrix} d & -b \\ -c & a \end{pmatrix}$

5 $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$

6 $P(A') = 1 - P(A)$

7 Jarak = $\sqrt{(x_2 - x_1)^2 + (y_2 - y_1)^2}$

8 Titik tengah, $(x, y) = \left(\frac{x_1 + x_2}{2}, \frac{y_1 + y_2}{2} \right)$

9 Purata laju = $\frac{\text{jarak yang dilalui}}{\text{masa yang diambil}}$

10 Min = $\frac{\text{hasil tambah nilai data}}{\text{bilangan data}}$

11 Min = $\frac{\text{hasil tambah (nilai titik tengah selang kelas} \times \text{kekerapan)}}{\text{hasil tambah kekerapan}}$

12 Teorem Pythagoras $c^2 = a^2 + b^2$

13 $m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1}$

14 $m = -\frac{\text{pintasan } y}{\text{pintasan } x}$

BENTUK DAN RUANG

1 Luas trapezium = $\frac{1}{2} \times \text{hasil tambah dua sisi selari} \times \text{tinggi}$

2 Lilitan bulatan = $\pi d = 2\pi r$

3 Luas bulatan = πr^2

4 Luas permukaan melengkung silinder = $2\pi r h$

5 Luas permukaan sfera = $4\pi r^2$

6 Isi padu prisma tegak = luas keratan rentas \times panjang

7 Isi padu silinder = $\pi r^2 h$

8 Isi padu kon = $\frac{1}{3} \pi r^2 h$

9 Isi padu sfera = $\frac{4}{3} \pi r^3$

10 Isi padu piramid tegak = $\frac{1}{3} \times \text{luas tapak} \times \text{tinggi}$

11 Hasil tambah sudut pedalaman poligon = $(n-2) \times 180^\circ$

12 $\frac{\text{panjang lengkok}}{\text{lilitan bulatan}} = \frac{\text{sudut pusat}}{360^\circ}$

13 $\frac{\text{luas sektor}}{\text{luas bulatan}} = \frac{\text{sudut pusat}}{360^\circ}$

14 Faktor skala, $k = \frac{PA'}{PA}$

15 Luas imej = $k^2 \times \text{luas objek}$

[Masa: $2\frac{1}{2}$ jam]

- This question paper consists of **two** sections: **Section A** and **Section B**.
Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
- Answer **all** questions in **Section A** and any **four** questions from **Section B**.
Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **mana-mana empat** soalan daripada **Bahagian B**.
- The diagram in the questions provided is not drawn to scale unless stated.
Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.
- You may use a scientific calculator.
Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.


Section A
Bahagian A

[52 marks / 52 markah]

Answer **all** questions in this section.
Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini.

- On the graph in the answer space, shade the region which satisfies the three inequalities $x \geq -3$, $y \geq \frac{4}{3}x + 4$ and $x + y < 4$.
Pada graf di ruang jawapan, lorekkan rantau yang memuaskan ketiga-tiga ketaksamaan $x \geq -3$, $y \geq \frac{4}{3}x + 4$ dan $x + y < 4$.

Answer / Jawapan:



[3 marks / 3 markah]

- Diagram 1 shows a solid is formed by removing a cone from a cylinder. The cone's height is 4 cm.
Rajah 1 menunjukkan sebuah pepejal yang dibentuk dengan mengeluarkan sebuah kon daripada sebuah silinder. Tinggi kon ialah 4 cm.




Diagram 1 / Rajah 1

By using $\pi = \frac{22}{7}$, calculate the volume, in cm^3 , of the remaining solid.

Dengan menggunakan $\pi = \frac{22}{7}$, hitung isi padu, dalam cm^3 , pepejal yang tertinggal.

Answer / Jawapan:

[4 marks / 4 markah]

- Diagram 2 in the answer space shows a right pyramid with a square base PQRS on a horizontal plane. M and N are midpoints of QR and PS respectively.
Rajah 2 pada ruang jawapan menunjukkan sebuah piramid tegak dengan tapak segi empat sama PQRS di atas satah mengufuk. M dan N masing-masing ialah titik tengah bagi QR dan PS.

(a) (i) Mark the angle between the plane VQR and the base PQRS.
Tandakan sudut di antara satah VQR dengan tapak PQRS.

(ii) Hence, name the angle.
Seterusnya, namakan sudut itu.

(b) Given VM = 13 cm, calculate the angle between the plane VQR and the base PQRS.
Diberi VM = 13 cm, hitung sudut di antara satah VQR dengan tapak PQRS.

Lihat 813

Dari 510

Answer / Jawapan:

(a) (i)




Diagram 2 / Rajah 2

(ii)

[2 marks / 2 markah]

(b)

[2 marks / 2 markah]

- 4 (a) (i) Write a compound statement by combining the two statements given below using the word "or".
Tulis satu pernyataan majmuk dengan menggabungkan dua pernyataan yang diberi di bawah dengan menggunakan perkataan "atau".
17 is a prime number
17 ialah nombor perdana
17 is a multiple of 3
17 ialah gandaan bagi 3

- (ii) State whether the compound statement written in 4(a)(i) is true or false.
Nyatakan sama ada pernyataan majmuk yang ditulis di 4(a)(i) adalah benar atau palsu.

- (b) Write down Premise 2 to complete the following argument:
Tulis Premis 2 untuk melengkapkan hujah berikut:

Premise 1: If $x = 3$, then $5x + 2 = 17$
Premis 1: Jika $x = 3$, maka $5x + 2 = 17$
Premise 2 / Premis 2: _____
Conclusion / Kesimpulan: $x \neq 3$

- (c) Make a general conclusion by induction for the numbers 6, 25, 62, 123, ... which follows the following pattern:
Buat kesimpulan secara aruhan bagi nombor-nombor 6, 25, 62, 123, ... yang berpola berikut:
 $6 = (1 + 1)^3 - 2$
 $25 = (2 + 1)^3 - 2$
 $62 = (3 + 1)^3 - 2$
 $123 = (4 + 1)^3 - 2$

Answer / Jawapan:

(a) (i)

(ii)

(b)

(c)

[5 marks / 5 markah]

- 5 Table 1 shows the price of tickets for a charity show in SMK Lurah Bilut. Jadual 1 menunjukkan harga tiket bagi tayangan amal di SMK Lurah Bilut.

Category / Kategori	Price (RM) / Harga (RM)
Adult / Dewasa	16.00
Children / Kanak-kanak	10.00

Table 1 / Jadual 1

A total of 125 tickets have been sold and the total collection for the charity show is RM 1 820. Find the number of tickets sold to adults and the number of tickets sold to children on that day.

Sebanyak 125 keping tiket telah dijual dan jumlah kutipan untuk tayangan amal itu ialah RM 1 820. Cari bilangan tiket yang dijual kepada orang dewasa dan bilangan tiket yang telah dijual kepada kanak-kanak pada hari tersebut.

Answer / Jawapan:

[5 marks / 5 markah]

- 6 The length and the width of a rectangular piece of land is x m and $(3x - 19)$ m respectively. If half of the land area is 7 m^2 , calculate the value of x .
Panjang dan lebar bagi sebidang tanah berbentuk segi empat tepat masing-masing ialah x m dan $(3x - 19)$ m. Jika separuh daripada tanah itu berkeluasan 7 m^2 , hitung nilai x .

Answer / Jawapan:

[4 marks / 4 markah]

- 7 Diagram 3 shows straight lines EF , HG and FG drawn on a Cartesian plane. Straight line FG is parallel to y -axis and EF is parallel to HG . The equation of straight line HG is $y = 2x + 1$. Find
Rajah 3 menunjukkan garis lurus EF , HG dan FG yang dilukis pada satah Cartes. Garis lurus FG adalah selari dengan paksi- y dan EF adalah selari dengan HG . Persamaan garis lurus HG ialah $y = 2x + 1$. Cari

- (a) the equation of the straight line EF ,
persamaan garis lurus EF ,
(b) the x -intercept of straight line EF ,
pintasan- x bagi garis lurus EF .




Diagram 3 / Rajah 3

Answer / Jawapan:

(a)

(b)

[5 marks / 5 markah]

Matematik (Kertas 2)

Dari S11

8 (a) Given $k \begin{pmatrix} 4 & -1 \\ -6 & 2 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 2 & 1 \\ 6 & p \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{pmatrix}$, find the value of k and p .

Diberi $k \begin{pmatrix} 4 & -1 \\ -6 & 2 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 2 & 1 \\ 6 & p \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} 1 & 0 \\ 0 & 1 \end{pmatrix}$, tentukan nilai k dan nilai p .

(b) Hence, by using matrices, calculate the value of x and y that satisfy the following simultaneous linear equations:

Seterusnya, dengan menggunakan kaedah matriks, hitung nilai x dan nilai y yang memuaskan persamaan linear serentak berikut.

$$\begin{aligned} 4x - y &= -13 \\ -6x + 2y &= 22 \end{aligned}$$

Answer / Jawapan:

(a)

(b)

[6 marks / 6 markah]

9 In Diagram 4, PQ and RS are the arcs of two circles with centre O and POR is a right angle triangle.

Dalam Rajah 4, PQ dan RS ialah lengkok dua bulatan berpusat O dan POR ialah segi tiga bersudut tegak.




Diagram 4 / Rajah 4

$OS = OR = 7$ cm and $OP = 10$ cm.
 $OS = OR = 7$ cm dan $OP = 10$ cm.

By using $\pi = \frac{22}{7}$, calculate

Dengan menggunakan $\pi = \frac{22}{7}$, hitung

(a) the area, in cm^2 , of the shaded region,
luas, dalam cm^2 , kawasan yang berlorek,

(b) the perimeter, in cm, of the whole diagram.
perimeter, dalam cm, seluruh rajah itu.

Answer / Jawapan:

(a)

(b)

[6 marks / 6 markah]

10 Table 2 shows the number of T-shirts that will be used in a marching parade on a school sports day, put in two boxes according to the colour of T-shirts.

Jadual 2 menunjukkan bilangan kemeja-T yang akan digunakan untuk perbarisan pada hari sukan sebuah sekolah, diletakkan di dalam dua buah kotak berasingan mengikut warna kemeja-T.

Box / Kotak	Size / Saiz	
	Medium / Sederhana	Large / Besar
Green / Hijau	2	7
Yellow / Kuning	4	3

Table 2 / Jadual 2

Harizah and Azzara are the participants of the marching parade from Green house and Yellow house respectively. They will be given a T-shirt each according to the colour of their sports house.

Harizah dan Azzara masing-masing ialah peserta perbarisan daripada rumah Hijau dan rumah Kuning. Mereka akan diberi sehelai kemeja-T setiap seorang mengikut warna rumah sukan mereka.

If the T-shirts are given at random to the girls, find the probability that

Jika kemeja-T itu diberikan secara rawak kepada mereka, cari kebarangkalian bahawa

(a) both girls get the medium size,
kedua-duanya mendapat saiz sederhana,

(b) both girls get the same size.
kedua-duanya mendapat saiz yang sama.

Answer / Jawapan:

(a)

(b)

[5 marks / 5 markah]

11 Diagram 5 shows the distance-time graph of a bus on a round trip in a period of t minutes.

Rajah 5 menunjukkan graf jarak-masa bagi perjalanan pergi dan balik bagi sebuah bas dalam tempoh t minit.

Distance (km) / Jarak (km)




Diagram 5 / Rajah 5

(a) State the length of time, in minutes, during which the bus is stationary.
Nyatakan tempoh masa, dalam saat, bas itu berhenti.

(b) Calculate the average speed, in km / minute, of the bus in the first 50 minutes.
Hitung purata laju, dalam km / minit, bas itu dalam tempoh 50 minit yang pertama.

(c) Calculate the value of t if the average speed of the bus on its return trip is 0.8 km / minute.
Hitung nilai t jika purata laju bas itu dalam perjalanan balik ialah 0.8 km / minit.

Answer / Jawapan:

(a)

(b)

(c)

[6 marks / 6 markah]

Dari 512

Section B
Bahagian B

[48 marks / 48 markah]

Answer any **four** questions from this section.
Jawab mana-mana **empat** soalan daripada bahagian ini.

- 12 (a) Table 3 shows the values of x and y for the equation $y = 20 - 12x + x^3$.
Jadual 3 menunjukkan nilai-nilai x dan y bagi persamaan $y = 20 - 12x + x^3$.


x	-4.3	-4	-3.5	-3	-2	-1	0	1	2	3
y	-7.9	4	19.1	k	36	31	20	9	m	11

Table 3 / Jadual 3

Calculate the value of k and m .
Hitung nilai k dan nilai m .

- (b) For this part of the question, use the graph paper.
You may use a flexible curve rule.
Untuk ceraihan soalan ini, gunakan kertas graf.
Anda boleh menggunakan pembaris fleksibel.

By using a scale of 2 cm to 1 unit on the x -axis and 2 cm to 5 units on the y -axis, draw the graph of $y = 20 - 12x + x^3$ for $-4.3 \leq x \leq 3$.
Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi- x dan 2 cm kepada 5 unit pada paksi- y , lukis graf $y = 20 - 12x + x^3$ bagi $-4.3 \leq x \leq 3$.



- (c) From your graph, find
Daripada graf anda, cari

- (i) the value of y when $x = -1.8$,
nilai y apabila $x = -1.8$,
- (ii) the value of x when $y = 0$,
nilai x apabila $y = 0$.
- (d) Draw the suitable straight line on your graph to find all values of x which satisfy the equation $x^3 - 9x + 5 = 0$ for $-4.3 \leq x \leq 3$.
State these values of x .
Lukis satu garis lurus yang sesuai pada graf anda untuk mencari nilai-nilai x yang memuaskan persamaan $x^3 - 9x + 5 = 0$ bagi $-4.3 \leq x \leq 3$.
Nyatakan nilai-nilai x itu.

Answer / Jawapan:

- (a) $k =$ _____
 $m =$ _____ [2 marks / 2 markah]

- (b) Refer to the graph.
Rujuk graf. [4 marks / 4 markah]

- (c) (i) $y =$ _____
(ii) $x =$ _____ [2 marks / 2 markah]

- (d) $x =$ _____ [4 marks / 4 markah]

- 13 Diagram 6 shows trapeziums, $ABCD$, $PQRS$ and $KQLM$ are drawn on a Cartesian plane.
Rajah 6 menunjukkan tiga buah trapezium, $ABCD$, $PQRS$ dan $KQLM$, dilukis pada suatu satah Cartes.




Diagram 6 / Rajah 6

- (a) Transformation V is a translation $\begin{pmatrix} -3 \\ 4 \end{pmatrix}$.
Penjelmaan V ialah translasi $\begin{pmatrix} -3 \\ 4 \end{pmatrix}$.

Matematik (Kertas 2)

Dari 513

Transformation **W** is a clockwise rotation of 90° about the centre **Q**.
Penjelmaan **W** ialah putaran 90° , ikut arah jam, pada titik **Q**.
State the coordinates of the image of point **A** under each of the following transformations:
Nyatakan koordinat imej titik **A** di bawah setiap penjelmaan berikut:

(i) **V**,

(ii) **WV**.

(b) (i) **PQRS** is the image of **ABCD** under transformation **X** and **KQLM** is the image of **PQRS** under transformation **Y**.

Describe in full transformation **X** and transformation **Y**.
PQRS ialah imej bagi *ABCD* di bawah satu penjelmaan **X** dan *KQLM* ialah imej bagi *PQRS* di bawah satu penjelmaan **Y**.
Huraikan selengkapnya penjelmaan **X** dan penjelmaan **Y**.

(ii) If the area of shaded region **KPSRLM** is 210 cm^2 , calculate the area, in cm^2 , of **ABCD**.

Jika luas rantau berlorek **KPSRLM** ialah 210 cm^2 , hitung luas, dalam cm^2 , kawasan yang diwakili **ABCD**.

Answer / Jawapan:

(a) (i)

(ii)

[3 marks / 3 markah]

(b) (i)

(ii)

[9 marks / 9 markah]

14 The data in Diagram 7 shows the age of 40 workers at a factory.
Data dalam Rajah 7 menunjukkan umur bagi 40 orang pekerja di sebuah kilang.

31	32	37	42	55	54	46	25
31	47	44	21	35	24	33	36
32	33	40	36	37	28	31	31
37	28	30	28	27	40	50	35
32	29	45	36	30	41	33	21

Diagram 7 / Rajah 7

(a) Based on the data in Diagram 7 and by using a class interval of 5, complete Table 4 in the answer space.

Berdasarkan data dalam Rajah 7 dan dengan menggunakan saiz selang kelas 5, lengkapkan Jadual 4 pada ruang jawapan.

(b) Based on Table 4 in (a), calculate the estimated mean for the age of a worker.


Berdasarkan Jadual 4 di (a), hitung min anggaran umur bagi seorang pekerja.

(c) For this part of the question, use the graph paper.

Untuk ceraihan soalan ini, gunakan kertas graf.

By using a scale of 2 cm to 5 years on the horizontal axis and 2 cm to 1 worker on the vertical axis, draw a frequency polygon for frequency of the data.

Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 5 tahun pada paksi mengufuk dan 2 cm kepada 1 orang pekerja pada paksi mencancang, lukis satu poligon kekerapan bagi data itu.



(d) Base on the frequency polygon in (c), state one piece of information about the age of workers.
Berdasarkan poligon kekerapan di (c), nyatakan satu maklumat berkaitan dengan umur-pekerja.

Answer / Jawapan:

(a)

Class Interval Selang Kelas	Midpoint Titik Tengah	Frequency Kekerapan
21 – 25		
26 – 30		

Table 4 / Jadual 4

[4 marks / 4 markah]

(b)

[3 marks / 3 markah]

(c) Refer graph / Rujuk graf

[4 marks / 4 markah]

(d)

[1 mark / 1 markah]

Lihat 515

Dari 514

- 15 (a) Diagram 8.1 show a solid with rectangular base $ABCD$ on a horizontal table. The edges AF , BG , CH and DE are vertical. $EFGH$ is an incline plane.
Rajah 8.1 menunjukkan sebuah pepejal dengan tapak segi empat tepat $ABCD$ terletak di atas meja mengufuk. Tepi AF , BG , CH dan DE adalah tegak. $EFGH$ adalah satah condong.




Diagram 8.1 / Rajah 8.1

Draw, in full scale, the elevation of the solid on a vertical plane parallel to AB as viewed from X .

Lukis, dengan skala penuh, dongakan pepejal itu pada satah mencancang yang selari dengan AB sebagaimana dilihat dari X .

Answer / Jawapan:

[3 marks / 3 markah]

- (b) A solid right prism is joined to the solid in diagram 8.1 at the vertical plane $BCHG$ to form a combined solid shown in Diagram 8.2. The edges BM , IN , JK and CL are vertical.

Sebuah pepejal berbentuk prisma tegak dicantumkan kepada pepejal dalam Rajah 8.1 pada satah tegak $BCHG$ untuk membentuk sebuah pepejal gabungan seperti dalam Rajah 8.2. Tepi BM , IN , JK dan CL adalah tegak.




Diagram 8.2 / Rajah 8.2

Draw, in full scale,
Lukis, dengan skala penuh,

- (i) the plan of the combined solid,
pelan pepejal gabungan itu,
(ii) the elevation of the combined solid on a vertical plane parallel to IJ as viewed from Y ,
dongakan pepejal gabungan itu pada satah mencancang yang selari dengan IJ sebagaimana dilihat dari Y .

Answer / Jawapan:

- (b) (i),

[4 marks / 4 markah]

- (ii)

[5 marks / 5 markah]

- 16 P ($54^\circ N$, $38^\circ E$), Q ($54^\circ N$, $42^\circ W$), R and K are four points on the surface of the Earth. PR is the diameter of the parallel of latitude $54^\circ N$.
 P ($54^\circ U$, $38^\circ T$), Q ($54^\circ U$, $42^\circ B$), R dan K adalah empat titik pada permukaan Bumi. PR ialah diameter selarian latitud $54^\circ U$.

- (a) (i) State the longitude of R .
Nyatakan longitud bagi R .
(ii) Calculate the shortest distance, in nautical miles, from P to R measured along the surface of the Earth.
Hitung jarak terpendek, dalam batu nautika, dari P ke R diukur sepanjang permukaan Bumi.
(b) K lies south of Q and the distance KQ measured along surface of the Earth is 5 100 nautical miles. Calculate the latitude of K .
 K terletak ke selatan Q dan jarak KQ diukur sepanjang permukaan Bumi ialah 5 100 batu nautika. Hitung latitud bagi K .
(c) An aeroplane took off from P and flew due west to Q along the common parallel of latitude and then flew due south to K . The average speed for the whole flight was 658 knots.
Sebuah kapal terbang berlepas dari P dan terbang arah ke barat ke Q mengikut selarian latitud sepunya dan kemudian terbang arah ke selatan ke K . Purata laju keseluruhan penerbangan kapal terbang itu ialah 658 knot.

Calculate / Hitung,

- (i) the distance, in nautical miles, from P to Q measured along the common parallel of latitude,
jarak, dalam batu nautika, dari P ke Q diukur sepanjang selarian latitud sepunya,
(ii) the total time, in hours, taken for the whole flight.
masa, dalam jam, yang diambil bagi seluruh penerbangan itu.

Answer / Jawapan:

- (a) (i)

[4 marks / 4 markah]

- (ii)

- (b)

[3 marks / 3 markah]

- (c) (i)

- (ii)

[5 marks / 5 markah]

END OF EXAMINATION PAPER
KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT